

Asean perlu sedia cara hadapi globalisasi

BH 12 APR 2000

ASEAN perlu menyediakan rangka kerja baru mengenai bagaimana ia dapat turut serta secara berkesan dalam proses globalisasi.

Presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Asean, Tan Sri Tajudin Ramli berkata, sektor yang memerlukan rangka kerja itu dengan segera ialah sektor perkhidmatan yang meliputi kewangan, multi media dan pengangkutan udara.

Bercakap pada sidang akhbar selepas perasmian sidang kemuncak Perniagaan Asean 2000 di Kuala Lumpur semalam, beliau berkata, rangka kerja baru itu diperlukan kerana masyarakat perniagaan Asean tidak yakin bahawa rangka kerja mengenai globalisasi sedia ada dapat melindungi kepentingan mereka.

Sidang kemuncak itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tajudin berkata, penyediaan rangka kerja itu adalah sebahagian daripada proses menambah kapasiti bagi persiapan menghadapi cabaran globalisasi.

Katanya, cara lain bagi menambah kapasiti Asean bagi menghadapi cabaran itu ialah meningkatkan mutu prasarana fizikal dan sumber manusia.